



**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR PENDORONG
KEUSAHAWANAN DENGAN NIAT
KEUSAHAWANAN: TINJAUAN PERSEPSI
TERHADAP PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN DI FAKULTI PENGURUSAN DAN
EKONOMI, UPSI.**



FATIN NOOR AYUNIE BINTI ADNAN

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024





PENGAKUAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Saya **Fatin Noor Ayunie Binti Adnan** merupakan pelajar **program AT21- ISMP Pengurusan Perniagaan** daripada **Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)** dengan ini mengaku bahawa penulisan Projek Tahun Akhir bertajuk **Hubungan Antara Faktor Pendorong Keusahawanan Dengan Niat Keusahawanan: Tinjauan Persepsi Terhadap Pelajar Ijazah Sarjana Muda, UPSI** adalah hasil kerja yang dilakukan oleh saya sendiri. Saya tidak melakukan plagiat atau menggunakan mana-mana hasil kerja orang lain. Penulisan yang dibuat ini adalah mengikut arahan yang diberikan oleh penyelarasan dan juga penyelia.

i) Penulis

Nama Penulis : Fatin Noor Ayunie Binti Adnan

No Matrik : D20201094010

Tanda Tangan :



ii) Penyelia

Nama Penyelia : Dr Mohd Ridwan Bin Abd Razak

Tanda Tangan :





PENGHARGAAN

Sekalung ucapan terima kasih saya ucapkan kepada pihak yang telah banyak membantu saya sepanjang kajian dijalankan. Walaupun terdapat kekangan yang dihadapi sepanjang menyiapkan penulisan ini, semuanya dapat diatasi dan berkat kesabaran yang tinggi kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir saya iaitu Dr Ridwan Bin Abd Razak atas segala tunjuk ajar, bantuan serta galakkan yang diberikan sepanjang menjalankan kajian ini. Segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau menjadi penyumbang utama. Tanpa bantuan dan bimbingan daripada penyelia, kajian ini tidak dapat disempurnakan dengan baik.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa saya yang banyak memberikan sokongan serta dorongan dan juga wang ringgit untuk menghasilkan dan menyiapkan tugas ini. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek tahun akhir ini.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada responden yang terlibat sepanjang kajian ini dijalankan. Ini kerana, tanpa responden kajian ini tidak dapat disempurnakan. Justeru, penglibatan dan kerjasama daripada semua pihak, kajian penyelidikan ini tidak dapat disempurnakan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Sekian terima kasih.

Fatin Noor Ayunie Binti Adnan
Universiti Pendidikan Sultan Idris





HUBUNGAN ANTARA FAKTOR PENDORONG KEUSAHAWANAN DENGAN NIAT KEUSAHAWANAN: TINJAUAN PERSEPSI TERHADAP PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN DI FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI, UPSI.

ABSTRAK

Peranan Keusahawanan untuk mengurangkan pengangguran dalam kalangan graduan tidak dapat dinafikan dan menjadi langkah yang boleh diambil untuk mencipta peluang pekerjaan yang baru dan seterusnya dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan pelajar. Pendedahan berkaitan keusahawanan perlu diperkasakan dan diperkukuhkan supaya boleh menimbulkan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan faktor-faktor pendorong kepada niat keusahawanan dalam kalangan pelajar ISMP FPE di UPSI. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan 150 orang pelajar dan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Teknik pensampelan rawak mudah dilakukan dengan mengedarkan soal selidik secara dalam talian, menyediakan Quick Respond (QR code). Data dikumpul menggunakan borang soal selidik. Data dianalisis menggunakan perisian *SPSS* versi 25 untuk menguji hubungan antara faktor-faktor pendorong keusahawanan terhadap niat keusahawanan pelajar ISMP di FPE. Dapatan kajian menunjukkan hipotesis yang dibina diterima iaitu berada pada nilai signifikan $p < 0.01$. Tingkah laku individu (0.730), kemahiran keusahawanan (0.702) dan persekitaran keusahawanan (0.722) mempunyai hubungan korelasi yang kuat manakala Pendidikan Keusahawanan (0.673) dan sokongan universiti (0.656) mempunyai korelasi sederhana. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak berkepentingan dalam merangka dan melaksanakan tindakan susulan yang sewajarnya dalam usaha menerapkan niat keusahawanan dalam diri pelajar. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa niat keusahawanan boleh meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan graduan dan boleh mengurangkan pengangguran.





THE RELATIONSHIP OF ENTREPRENEURIAL MOTIVATING FACTORS WITH ENTREPRENEURIAL INTENT: A PERCEPTION SURVEY OF BACHELOR OF EDUCATION STUDENTS AT THE FACULTY OF MANAGEMENT AND ECONOMICS, UPSI.

ABSTRACT

The role of Entrepreneurship to reduce unemployment among graduates cannot be denied and is a step that can be taken to create new job opportunities and subsequently increase the marketability of graduate students. Exposure related to entrepreneurship needs to be strengthened and strengthened so that it can create entrepreneurial intentions among students. Therefore, this study was conducted to determine the relationship between driving factors and entrepreneurial intentions among ISMP FPE students at UPSI. This study uses a quantitative approach involving 150 students and uses a simple random sampling technique. Random sampling technique is easy to do by distributing questionnaires online, providing Quick Respond (QR code). Data was collected using a questionnaire. The data was analyzed using SPSS version 25 software to test the relationship between the driving factors of entrepreneurship and the entrepreneurial intentions of ISMP students at FPE. The findings of the study show that the constructed hypothesis is accepted, which is at a significant value of $p < 0.01$. Individual behavior (0.730), entrepreneurial skills (0.702) and entrepreneurial environment (0.722) have a strong correlation while Entrepreneurship Education (0.673) and university support (0.656) have a moderate correlation. This study is expected to benefit stakeholders in designing and implementing appropriate follow-up actions in an effort to apply entrepreneurial intentions in students. Overall, the results of the study found that entrepreneurial intentions can increase marketability among graduates and can reduce unemployment.



SENARAI KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | ii |
| SENARAI KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | vii |
| SENARAI RAJAH | viii |
| SENARAI SIMBOL / SINGKATAN / ISTILAH | x |
| BAB 1 | 1 |
| PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 3 |
| 1.4 Objektif Kajian | 5 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 6 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 7 |
| 1.7 Kerangka Konseptual Kajian | 8 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.9 Batasan Kajian | 9 |
| 1.10 Definisi Operasional Kajian | 10 |
| 1.10.1 Niat Keusahawanan | 10 |
| 1.10.2 Tingkah Laku Individu | 10 |
| 1.10.3 Kemahiran Keusahawanan | 10 |
| 1.10.4 Pendidikan Keusahawanan | 11 |
| 1.10.5 Persekitaran Keusahawanan | 11 |
| 1.10.6 Sokongan Universiti | 11 |
| 1.11 Struktur Kajian | 12 |
| 1.12 Kesimpulan | 12 |
| BAB 2 | 13 |
| SOROTAN LITERATUR | 13 |
| 2.1 Pengenalan | 13 |
| 2.2 Niat Keusahawanan | 14 |
| 2.3 Tingkah Laku Individu | 14 |
| 2.4 Kemahiran Keusahawanan | 15 |
| 2.5 Pendidikan Keusahawanan | 16 |

2.6 Persekitaran Keusahawanan17

2.7 Sokongan Universiti18

2.8 Kerangka Konseptual Kajian 19

2.9 Teori 19

2.10 Pembangunan Hipotesis.....21

 2.10.1 Hubungan Tingkah Laku Individu Dengan Niat Keusahawanan21

 2.10.2 Hubungan Kemahiran Keusahawanan Dengan Niat Keusahawanan.....22

 2.10.3 Hubungan Pendidikan Keusahawanan Dengan Niat Keusahawanan23

 2.10.4 Hubungan Persekitaran Keusahawanan Dengan Niat Keusahawanan.....24

 2.10.5 Hubungan Sokongan Universiti Dengan Niat Keusahawanan25

2.11 Kesimpulan26

BAB 327

METODOLOGI.....27

3.1 Pengenalan27

3.2 Reka Bentuk Kajian.....28

3.3 Lokasi Kajian28

3.4 Populasi Dan Sampel.....28

3.5 Instrumen Kajian30

3.6 Kajian Rintis31

3.7 Kutipan Data33

3.8 Analisis Data.....34

3.9 Kesimpulan36

BAB 437

ANALISIS DATA37

4.1 Pengenalan37

4.2 Profil Responden37

 4.2.1 Taburan Responden Berdasarkan Jantina38

 4.2.2 Taburan Responden Berdasarkan Bangsa38

 4.2.3 Taburan Responden Berdasarkan Agama39

 4.2.4 Taburan Responden Berdasarkan Program Pengajian39

 4.2.5 Taburan Responden Mengikut Semester40

4.3 Hubungan Antara Faktor Pendorong Kepada Niat Keusahawanan 40

 4.3.1 Tingkah Laku Individu40

 4.3.2 Kemahiran Keusahawanan.....41

 4.3.3 Pendidikan Keusahawanan.....43

| | |
|---|-----------|
| 4.3.4 Persekitaran Keusahawanan | 44 |
| 4.3.5 Sokongan Universiti | 45 |
| 4.4 Hubungan Antara Faktor Pendorong Kepada Niat Keusahawanan Yang Domain | 47 |
| 4.5 Analisis Awal | 47 |
| 4.6 Pengujian Hipotesis | 49 |
| Ho 1a: Terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku individu dengan niat keusahawanan | 49 |
| Ho 1b: Terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran keusahawanan dengan niat keusahawanan | 50 |
| Ho 1c: Terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan | 51 |
| Ho 1d: Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran keusahawanan dengan niat keusahawanan..... | 52 |
| Ho 1e: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan universiti dengan niat keusahawanan | 53 |
| 4.6.1 Analisis Hipotesis Secara Keseluruhan..... | 53 |
| 4.7 Kesimpulan | 54 |
| BAB 5 | 55 |
| PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN LIMITASI | 55 |
| 5.1 Pengenalan | 55 |
| 5.2 Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian..... | 56 |
| 5.2.1 Hubungan antara tingkah laku individu dengan niat keusahawanan | 56 |
| 5.2.2 Hubungan antara kemahiran keusahawanan dengan niat keusahawanan | 57 |
| 5.2.3 Hubungan antara pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan..... | 58 |
| 5.2.4 Hubungan antara persekitaran keusahawanan dengan niat keusahawanan | 59 |
| 5.2.5 Hubungan antara sokongan universiti dengan niat keusahawanan..... | 59 |
| 5.3 Implikasi Dapatan Kajian | 600 |
| 5.3.1 Implikasi Teori | 60 |
| 5.3.2 Implikasi Praktikal..... | 60 |
| 5.4 Limitasi Dan Cadangan Kajian Lanjutan..... | 61 |
| 5.4.1 Limitasi Kajian | 61 |
| 5.4.2 Cadangan Kajian Lanjutan | 62 |
| 5.4 Kesimpulan | 62 |
| RUJUKAN | 63 |
| LAMPIRAN | 66 |
| Kesahan Pakar | 66 |



Analisis Data Spss.....82



SENARAI JADUAL

| No | Jadual | Muka Surat |
|-----------|---|-------------------|
| 3.1 | Bilangan Pelajar Ijazah Sarjana di Fakulti Pengurusan & Ekonomi, UPSI | 26 |
| 3.2 | Taburan Item Instrumen Mengikut Bahagian dan Konstruk | 27 |
| 3.3 | Sumber Soal Selidik | 27 |
| 3.4 | klasifikasi indeks kebolehpercayaan | 28 |
| 3.5 | Nilai Cronbach Alpha | 29 |
| 3.6 | Analisis yang digunakan untuk menjawab objektif kajian | 30 |
| 3.7 | Aras kekuatan nilai pekali kolerasi | 31 |
| 3.8 | Interprestasi Skor Min | 32 |
| 4.1 | Taburan Responden Berdasarkan Jantina | 34 |
| 4.2 | Taburan Responden Berdasarkan Bangsa | 34 |
| 4.3 | Taburan Responden Berdasarkan Agama | 35 |
| 4.4 | Taburan Responden Berdasarkan Program Pengajian | 35 |
| 4.5 | Taburan Responden Mengikut Semester | 36 |
| 4.6 | Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Pendorong Kepada Niat Keusahawanan Iaitu Tingkah Laku Individu | 37 |
| 4.7 | Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Pendorong Kepada Niat Keusahawanan Iaitu Kemahiran Keusahawanan | 38 |
| 4.8 | Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Pendorong Kepada Niat Keusahawanan Iaitu Pendidikan Keusahawanan | 39 |
| 4.9 | Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Pendorong Kepada Niat Keusahawanan Iaitu Persekitaran Keusahawanan | 40 |
| 4.10 | Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Pendorong Kepada Niat Keusahawanan Iaitu Sokongan Universiti | 41 |
| 4.11 | Analisis Faktor Pendorong Kepada Niat Keusahawanan Yang Domain | 42 |
| 4.12 | Analisis Normaliti Menggunakan Skewness Dan Kurtosis | 43 |
| 4.13 | Analisis Kolerasi Pearson Antara Tingkah Laku Individu Dengan Niat Keusahawanan | 44 |
| 4.14 | Analisis Kolerasi Pearson Antara Kemahiran Keusahawanan Dengan Niat Keusahawanan | 45 |
| 4.15 | Analisis Kolerasi Pearson Antara Pendidikan Keusahawanan Dengan Niat Keusahawanan | 46 |
| 4.16 | Analisis Kolerasi Pearson Antara Persekitaran Keusahawanan Dengan Niat Keusahawanan | 47 |
| 4.17 | Analisis Kolerasi Pearson Antara Persekitaran Keusahawanan Dengan Niat Keusahawanan | 48 |
| 4.19 | Ulasan Hipotesis Bagi Setiap Faktor Pendorong Kepada Niat Keusahawanan | 49 |

**SENARAI RAJAH**

| No | Rajah | Muka Surat |
|-----------|----------------------------|-------------------|
| 1.7 | Kerangka Konseptual Kajian | 7 |
| 2.4 | Kerangka Teori | 17 |



**SENARAI SIMBOL / SINGKATAN / ISTILAH**

| | |
|--------|--|
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| FPE | Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi |
| ISMP | Ijazah Sarjana Muda Pendidikan |
| SPSS | Statistical Package for the Social Sciences |
| KPT | Kementerian Pengajian Tinggi |
| DPKIPT | Dasar Pembangunan Keusahawaanan Institusi Pengajian Tinggi |
| PSPTN | Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara |
| IPT | Institusi Pengajian Tnggi |
| UiTM | Universiti institun Teknologi Mara |
| DOSM | Jabatan Perangkaan Negara |
| H | Hipotesis |
| MDEC | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi |
| TPB | Theory Planned Of Behaviour |
| EDGE | Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan |
| SP | Sisihan Piawai |





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



05 Bidang keusahawanan merupakan bidang yang sangat penting dalam industri di Malaysia. Hal ini kerana, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membuat telah membuat satu inisiatif sebagai usaha menggalakan pendidikan dan pembangunan keusahawanan melalui Dasar Pembangunan Keusahawaanan Institusi Pengajian Tinggi (DPKIPT). Malahan, dengan adanya dasar ini maka pihak pendidikan tinggi dapat memberikan penekanan berkaitan keusahawanan dalam diri pelajar. Perkara ini jelas dibuktikan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) untuk memberikan fokus yang mendalam terhadap bidang keusahawanan ini. Secara keseluruhannya, bab ini akan memberikan gambaran umum mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah dan persoalan kajian. Berdasarkan isu yang telah dikenal pasti, objektif kajian yang dilakukan adalah selaras dengan persoalan kajian yang disenarikan. Seterusnya, diikuti dengan hipotesis kajian, batasan kajian serta kepentingan kajian akan dihuraikan. Akhir Sekali, definisi konstruk kajian akan diterangkan secara ringkas mengikut skop kajian yang dilakukan oleh pengkaji, penerangan mengenai struktur kajian dan kemudiannya rumusan bab secara keseluruhan akan dibuat.





1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Hasliza Hassan (2020), Malaysia menjadikan keusahawanan sebagai pemangkin untuk meningkatkan pembangunan sosio – ekonomi negara. Hal ini kerana, situasi ini dapat mengurangkan pergantungan negara terhadap pelabur asing sebagai usaha membangunkan keusahawanan tempatan yang bertujuan untuk memantapkan ekonomi negara dalam jangka masa panjang (New Strait Times, 2019). Oleh disebabkan itu, bidang keusahawanan dijadikan sebagai kerjaya utama dan akan diberikan sokongan yang kuat. Menurut Ameer Hafizun et al (2018), keusahawanan mempunyai kesan yang positif kepada pembangunan negara dari segi ekonomi serta dapat melibatkan struktur perniagaan kepada masyarakat. Bukan itu sahaja, menurut Akmal Sabarudin (2022), bidang keusahawanan juga turut diberikan tumpuan kerana peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada graduan adalah terhad dan situasi ini telah menimbulkan kebimbangan kepada pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Oleh disebabkan itu, pelajar perlu meningkatkan lagi kemahiran dan kebolehan mereka untuk menghadapi persaingan dalam pasaran kerja.



Selain itu, Pelan Strategik Pengajian Tinggi (PSPTN) diwujudkan untuk meningkatkan kualiti Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (Salmianti, 2019) di mana selari dengan pembentukan pelan ini, untuk mengalakkan pembangunan keusahawanan melalui pendidikan. Dasar ini dikenali sebagai Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi yang dilancarkan pada 13 April 2010 (Salmianti, 2019). Menurut Che Roseliza et al (2019), keusahawanan dijadikan sebagai fokus utama dalam perancangan strategik pendidikan tinggi untuk menunjukkan komitmen pihak kerajaan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan lulusan universiti.

Seterusnya, pelbagai program dan aktiviti keusahawanan dilaksanakan sebagai usaha untuk meminimumkan kadar pengangguran yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah (Nishanti & Radin Siti Isyah, 2022). Oleh itu, graduan disarankan untuk mencipta peluang pekerjaan hasil daripada pendedahan keusahawanan semasa pengajian tanpa perlu menunggu untuk sesuatu pekerjaan (Othman & Ishak, 2019). Kajian yang dilakukan oleh Bosma (2013) di Amerika menunjukkan bahawa 60% rakyat Amerika dikatakan dapat meringankan beban rakyat mereka melalui bidang



keusahawanan ini. Konteks kajian di Malaysia pula menganggap bahawa kerjaya keusahawanan tidak mendatangkan hasil dan tidak menjadi pilihan utama para pelajar. (Othman & Ishak, 2019) di mana hanya terdapat sebahagian pelajar sahaja yang cenderung ke arah keusahawanan ini (Lee Ros, 2017).

Dalam konteks kajian di Malaysia, pendidikan keusahawanan telah mula diperkenalkan pada peringkat universiti dan semua pelajar wajib mengikuti kursus ini untuk memupuk nilai keusahawanan dalam diri mereka (Nor Hannan & Aizuddin, 2023). Untuk menjadi sebuah negara yang berdaya saing dalam sosio – ekonomi kerajaan berusaha membangunkan persekitaran keusahawanan dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat universiti (Haliza Hassan et al, 2022). Menurut Robinson & Josien (2018), kejayaan dalam bidang keusahawanan sangat bergantung kepada Pendidikan Keusahawanan kerana pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan yang berkaitan seperti kemahiran dan cara memulakan perniagaan.

1.3 Pernyataan Masalah

Di Malaysia, kadar pengangguran dalam kalangan graduan pada 2020 naik sebanyak 0.5 % kepada 4.4 % pada tahun sebelumnya (Ketua Perangkawan Malaysia, 2021) dan masalah ini menjejaskan ekonomi serta pembangunan negara. Justeru, situasi ini terjadi kerana bidang keusahawanan tidak menjadi pilihan utama disebabkan oleh kurangnya pendedahan dan konteks mengenainya (Amir et al, 2018) dan menurut Norain et al (2019) terdapat graduan yang mengharapkan kerja makan gaji sebagai kerjaya utama. Namun, bagi merialisasikan hasrat yang ditetapkan kerjasama antara kerajaan dengan IPT perlu diwujudkan supaya dapat memberikan komitmen yang terbaik dan memastikan individu yang berpotensi dalam keusahawanan tidak ketinggalan (Zhou, 2017) untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang memberikan fokus kepada keusahawanan pada tahun 2030 Linh et al (2022). Oleh disebabkan itu, Dasar Keusahawanan (SME Corporation Malaysia, 2022) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dibentuk sebagai kepada perubahan ke arah peningkatan kualiti Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.



Dalam konteks dunia pendidikan di Malaysia, terdapat statistik menyatakan bahawa seramai 3,278 graduan lepasan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) telah menamatkan pengajian dan sebahagian daripada mereka masih belum mendapat panggilan temuduga (Gerakan Graduan Pendidikan Universiti Awam, 2021). Menurut kajian yang dijalankan oleh GGPUA, hampir 800 daripada 4,390 graduan pendidikan masih menganggur, manakala 128 graduan terpaksa memilih pekerjaan yang bukan daripada bidang pendidikan serta yang tidak memerlukan kelayakan akademik. Memetik kenyataan daripada Sharipah Ruzaina (Dekan Fakulti Pendidikan UiTM) (2021), beliau berpendapat bahawa bukan masalah ijazah graduan pendidikan tidak laku tetapi mereka perlu bijak mengatur langkah dan perlu menjadi seorang *job creator* dan bukan hanya sekadar *job seeker*. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa graduan tidak boleh mengandaikan bahawa kursus keusahawanan yang ditawarkan di universiti sebagai membuang masa. Justeru, graduan perlu menerapkan ilmu dan kemahiran yang telah dipelajari dalam kursus ini supaya dapat membentuk graduan yang bijak mencari peluang, berfikiran terbuka dan mampu menghadapi cabaran. Menurut laporan tahunan dan kewangan UPSI (2020), jumlah graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian adalah sebanyak 90.3 %. Jumlah ini mewakili bilangan graduan yang menjadi usahawan sementara menunggu penempatan.

Pernyataan di atas di sokong oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di mana sebanyak 197,400 siswazah yang menganggur pada tahun 2021 dan mereka menyeru agar sektor pendidikan memainkan peranan dengan menawarkan pengkhususan yang setimpal dengan keperluan pasaran semasa kepada siswazah. Menyedari bahawa niat keusahawanan mampu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan bagi menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Sebagai contoh, model teladan (Mohd Azry et al, 2022) dan kesediaan pelajar memilih keusahawanan sebagai kerjaya utama (Sarmila, 2021), Latar belakang keluarga (Muhammad izzat et al, 2020). Selain itu, (Nur hannan & Noor Azuddin, 2023) & (Nishanti & Radin, 2022). Selain itu, pendidikan keusahawanan memainkan peranan penting (Hou et al, 2019), Seterusnya, faktor persekitaran (Nishanti et al, 2022 dan dapat meningkatkan motivasi dan membantu pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan ini (Nurzulaikha & Noor Aslinda, 2021).



Jurang yang terdapat dalam kajian ini ialah untuk melihat sama ada persekitaran keusahawanan dan sokongan universiti mampu untuk mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar ataupun tidak. Hal ini kerana, kebanyakan kajian yang dilakukan fokus kepada pendidikan keusahawanan, hasrat keusahawanan dan sumber pembiayaan. Kajian-kajian ini telah dilakukan oleh Hasliza Hassan et al (2020), Hannan & Azuddin (2023), Noorizda et al (2019), Nishanti & Radin (2022) dan Mohd Azry et al (2022). Selain itu, pengkaji juga mengenal pasti faktor-faktor kepada pendorong niat keusahawanan melalui kajian-kajian lepas seperti tingkah laku individu, kemahiran keusahawanan, Pendidikan Keusahawanan, persekitaran keusahawanan dan sokongan universiti. Namun persekitaran keusahawanan dan sokongan universiti jarang dikaji. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji akan menggabungkan kesemua faktor yang ada dalam kajian untuk mengetahui hubungan diantara faktor pendorong keusahawanan dengan niat keusahawanan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif bagi kajian yang dilakukan ini ialah:

1. Mengetahui hubungan antara tingkah laku individu dengan niat keusahawanan.
2. Mengetahui hubungan antara kemahiran keusahawanan dengan niat keusahawanan.
3. Mengetahui hubungan antara Pendidikan Keusahawanan dengan niat keusahawanan.
4. Mengetahui hubungan antara persekitaran keusahawanan dengan niat keusahawanan.
5. Mengetahui hubungan sokongan universiti merupakan pengaruh kepada niat keusahawanan.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian yang dilakukan ialah:

1. Adakah terdapat hubungan antara tingkah laku individu dengan niat keusahawanan?
2. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran keusahawanan dengan niat keusahawanan.?
3. Adakah terdapat hubungan antara Pendidikan Keusahawanan dengan niat keusahawanan?
4. Adakah terdapat hubungan antara persekitaran keusahawanan dengan niat keusahawanan?
5. Adakah terdapat hubungan antara sokongan universiti dengan niat keusahawanan?



1.6 Hipotesis Kajian

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku individu dengan niat keusahawanan.

H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara Kemahiran Keusahawanan dengan niat keusahawanan.

H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara Pendidikan Keusahawanan dengan niat keusahawanan.


H4: Terdapat hubungan yang signifikan antara Persekitaran Keusahawanan dengan niat keusahawanan.

H5: Terdapat hubungan yang signifikan antara Sokongan Universiti dengan niat keusahawanan.





1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1: Kerangka Konseptual





1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dihasilkan diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas dan memberi kesedaran mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kepentingan kajian ini kepada pelajar ialah pelajar dapat menilai kebolehan diri mereka dalam keusahawanan di mana boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan. Kepentingan kepada pihak universiti pula ialah, pentadbir universiti perlu lebih peka terhadap struktur kursus dan program yang berkaitan dengan keusahawanan ini hasil daripada kajian yang dilakukan ini. Di samping itu, kepentingan kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada agensi yang berkaitan iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MDEC) untuk melihat sejauh mana penglibatan pelajar ke arah keusahawanan. Oleh itu, hasil kajian yang diperoleh akan memberikan manfaat kepada pihak institusi pengajian, pelajar dan pihak-pihak tertentu untuk menambah baik kekurangan yang ada sebagai usaha mempengaruhi niat keusahawanan pelajar.



1.9 Batasan Kajian

Terdapat batasan atau limitasi dalam kajian yang dilakukan ini. Pertamanya, responden kajian hanya terdiri daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) daripada Fakulti Pengurusan & Ekonomi (FPE). Hal ini kerana, kekangan masa yang dihadapi oleh pengkaji untuk mengumpul data kajian menjadi punca utama pengkaji hanya fokus kepada responden yang ditetapkan. Selain itu, pengkaji ingin melihat sejauh mana pelajar ISMP ini mempunyai niat keusahawanan kerana mereka berkemungkinan akan bergelar sebagai seorang guru dan tidak terlibat dengan industri seperti pelajar sarjana muda. Ketiga, hasil kajian ini bergantung kepada kejujuran dan kerjasama responden ketika menjawab soalan yang diedarkan di mana kajian ini tidak boleh mewakili konteks dalam persekitaran IPT di Malaysia. Selain itu, reka bentuk yang digunakan di mana pengumpulan data adalah melalui soal selidik dan kaedah kajian hanya tertumpu pada kaedah kuantitatif sahaja. Walaubagaimanapun, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak universiti untuk mengenal pasti faktor-





faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) daripada Fakulti Pengurusan & Ekonomi (FPE).

1.10 Definisi Operasional Kajian

1.10.1 Niat Keusahawanan

Niat keusahawanan bermaksud seseorang itu benar-benar mempunyai keinginan dan matlamat dan mempunyai matlamat untuk menjadi seorang usahawan (Nathani & Dwivedi, 2019; Ismail et al., 2018). Niat keusahawanan juga merujuk kepada keinginan dan harapan yang melibatkan orientasi mental di mana perkara ini boleh mempengaruhi pilihan individu untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya utama mereka (Peng et al, 2021).



1.10.2 Tingkah Laku Individu



Menurut Maresch et al (2016), tingkah laku individu merujuk kepada kelakuan seseorang individu untuk mencapai keinginan dalam diri mereka. Tingkah laku juga dianggap sebagai gerak geri yang dilakukan oleh seseorang individu yang mendorong mereka untuk melaksanakan sesuatu tugas (Noorizda et al, 2019). Menurut Mwiya et al (2017), tingkah laku ini juga mampu meramalkan niat keusahawanan seseorang individu kerana dianggap sebagai kelakuan ke arah mencapai sesuatu.

1.10.3 Kemahiran Keusahawanan

Menurut Nishanti & Radin (2022), kemahiran keusahawanan merupakan kebolehan yang menunjukkan seseorang itu mahir dan mampu menjalankan aktiviti keusahawanan dengan baik Menurut Esmalaily et al (2019), kemahiran keusahawanan merujuk kepada memulakan perniagaan mereka sendiri Yusof et al. (2022). Oleh itu, kemahiran keusahawanan merujuk kepada sifat yang perlu dimiliki oleh usahawan untuk lebih kreatif dan mahir dalam membuat keputusan dalam perniagaan (Uvathi et al, 2018).





1.10.4 Pendidikan Keusahawanan

Menurut kajian Nor Asiah et al, (2018) Pendidikan Keusahwanan merujuk kepada suatu model yang dirancang untuk mengkaji sikap pelajar melalui pengalaman belajar serta menguji pengetahuan dan juga kemahiran. Menurut Hou et al (2019), Pendidikan Keusahawanan juga merujuk kepada penciptaan kursus sebagai usaha untuk mempengaruhi niat keusahawanan pelajar. Pendidikan Keusahawanan juga merujuk kepada kursus yang perlu diberikan pendedahan awal dari peringkat sekolah hingga peringkat universiti supaya budaya keusahawanan dapat dipupuk dengan lebih awal (Hasliza Hassan et al, 2020).

1.10.5 Persekitaran Keusahawanan

Persekitaran Keusahawanan merujuk kepada prinsip dan kepercayaan yang boleh dijadikan panduan atau bantuan untuk digunakan dalam sesebuah perniagaan (Nosheena et al, 2022). Menurut Nishanti et al, (2022), persekitaran keusahawanan diklasifikasikan sebagai kemudahan atau fasiliti yang membantu aktiviti keusahawanan pelajar di tempat pengajian. Menurut kajian Anne et al (2021), Persekitaran Keusahawanan yang berkesan boleh menjadi faktor pendorong pelajar ke arah keusahawanan.

1.10.6 Sokongan Universiti

Menurut kajian oleh Siti Dalela et al. (2023), sokongan universiti ditakrifkan sebagai sokongan yang diberikan oleh universiti kepada pelajar untuk menyokong keusahawanan dengan menggalakkan aktiviti keusahawanan pelajar. Sokongan akademik juga termasuk aktiviti formal untuk menyokong keusahawanan pelajar (Mandy et al., 2021).





1.11 Struktur Kajian

Laporan kajian ini mengandungi lima bab di mana pada bab 1 pengkaji akan membincangkan masalah yang ingin dikaji serta menerangkan idea utama penyelidikan. Pada bahagian bab 2, sorotan literatur akan dilakukan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan. Selain itu, bab 2 juga akan menghasilkan idea untuk menguji teori. Pada bab 3, penerangan berkaitan cara pengkaji dan reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji manakala pada bab 4 pula akan menunjukkan analisis dapatan kajian hasil daripada soal selidik yang dilakukan. Akhir sekali ialah bab 5 di mana pada bahagian ini akan membincangkan perkara yang penting dalam kajian yang dilakukan, impak kajian yang dilakukan, implikasi kajian, limitasi serta cadangan kajian lanjutan.

1.12 Kesimpulan

Secara ringkasnya, bab ini membincangkan pendahuluan mengenai isu yang berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar di mana latar belakang kajian menggambarkan keseluruhan berkaitan dengan niat keusahawanan. Bukan itu sahaja, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian digunakan untuk membangunkan hipotesis kajian. Kemudian bab ini menggariskan kerangka konseptual dan teorikal, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, definisi konstruk dan rumusan bagi bab 1.

